



# PENJELASAN FHUKKUM ISU WANITA BERNASYID

**JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG**  
Tingkat 48, KOMTAR, 10000 Pulau Pinang.  
Tel: 04-263 2975 | Faks: 04-263 2985  
Web: <http://mufti.penang.gov.my>



## PENJELASAN HUKUM ISU WANITA BERNASYID

### Pendahuluan

Meminati muzik dan nyanyian adalah salah satu medan atau wasilah yang paling popular dalam memenuhi tuntutan naluri setiap manusia untuk berhibur. Rasulullah s.a.w sendiri dan para Sahabat r.a mendendangkan syair yang berbentuk hiburan yang menaikkan semangat jihad dan mengingati Allah. Ini dapat kita lihat di dalam riwayat-riwayat yang sahih di dalam peristiwa pengalihan *khandak*, pembinaan masjid, kembali dari musafir dan pelbagai munasabah yang disebut di dalam kitab-kitab *sirah* dan *syama'il*. Umpamanya, Anas meriwayatkan :-

قلتما رأى رسول الله ﷺ ما بنا من النَّصَب والجموع قال :

اللهم لا عيش إلا عيش الآخرة فاغفر للأتصهار والمهاجرة فقلوا مجيبين :

نحن الذين بايعوا محمدا على الجهاد ما بقيتنا أبدا (روه البخاري)

**Maksudnya :** Ketika Rasulullah s.a.w melihat kami ditimpa kesusahan dan kelaparan Baginda bersabda : Ya Allah tiada kehidupan melainkan kehidupan di hari akhirat, ampunkanlah golongan Ansar dan Muhajirin. Balas para Sahabat : Kami bersumpah setia dengan Muhammad akan terus berjihad ini selagi kami masih hidup.

Hakikatnya hiburan masa kini amat terbabas daripada landasan syariat Islam. Justeru, kehadiran lagu-lagu nasyid yang liriknya membawa kepada kebaikan dan kesedaran agama sedikit sebanyak memberi ruang dan alternatif kepada umat Islam. Ia adalah usaha memelihara kesucian dan kemurnian budaya hiburan dari dicemari unsur-unsur jahiliyyah. Namun adalah agak membimbangkan apabila terdapat dewasa ini nasyid-nasyid ini yang menyimpang dari landasan asal serta melebihi tuntutan komersial daripada tujuan dakwah.

Ini lebih jelas apabila golongan wanita juga mula menonjolkan persembahan mereka dan berlumba meraih populariti melalui industri nasyid, maka terlihat kesan negatif yang dibimbangi akan mencetuskan dosa dan kerosakan dalam masyarakat di atas nama Islam itu sendiri.

TERBITAN



**JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG**  
Tingkat 48, KOMTAR, 10000 Pulau Pinang.  
Tel: 04-263 2975 | Faks: 04-263 2985  
Web: <http://mufti.penang.gov.my>

## NOTA

### Status Suara Wanita

Majoriti ulama berpendapat suara wanita bukanlah aurat. Imam Al-Nawawi berkata :-

هل صوت المرأة عورة فيه وجهان (الأصح) إنه ليس بعورة. (عسر) 3 / 390

*Maksudnya : Adakah suara wanita itu aurat, padanya dua pandangan dan yang paling sahih, suara wanita itu bukanlah aurat.*

Al-`Allamah Al-Sheikh Abu Bakar Al-Bakriy menjelaskan :-

( قوله وليس من العورة الصوت ) أي صوت المرأة ومثله صوت الأُمِّز فيجاء سماعه ما لم تُخَشَّ فتنَةٌ أو يُتَأَدَّ به والأَخْرَجُ ( قوله فلا يحرم سماعه ) أي الصوت وقوله إلا إن خَشِيَ منه فتنَةٌ أو التَّدَّ به أي فإنه يحرم سماعه أي ولو يَسْمَعُ القرآن ومن الصوت الزَّغَارِيدُ وفي البَحْرِيَّيْنِ وصوتها ليس بعورة على الأصح لكنَّ الحُرْمَ الإِصْغَاءُ إليه عند خَوْفِ الفتنَةِ وإذا قَرِعَ باب المرأة أَحَدًا فلا يُجِيبُهُ بصوتٍ رَخِيصٍ بل تُعَلِّطُ صوتها بأنَّ تَأَخَّذَ طرفَ كَفِّها يَفِيئُها وَيُجِيبُ وفي العِبابِ وَيَتَدَبُّ إذا خَافَتْ دَاعِيًا أَنْ تُعَلِّطَ صوتها بوضع ظَهْرِ كَفِّها على فِئِها. (إعانة الطالبين 260 / 3)

*Maksudnya : (Berkata ia, bukanlah suara merupakan aurat) yakni suara wanita, seumpama dengannya seperti suara pemuda yang kakak, maka halal mendengarnya selama mana tidak membawa kepada fitnah atau bersedap-sedap dengannya, jika sebaliknya ia menjadi haram. (Katanya, maka tidaklah haram mendengar) yakni suara wanita, melainkan jika membawa kepada fitnah dan bersedap-sedap dengannya, maka menjadi haram sekali pun ia adalah membaca al-Quran dan termasuk daripada suara adalah getaran lidah. Suara wanita pula bukanlah aurat menurut pendapat yang asoh, akan tetapi diharamkan melembutkan suara apabila dibimbangi membawa kepada fitnah. Apabila ada seseorang mengetuk pintu rumah seorang perempuan, jangalah ia menjawab dengan suara yang lembut (lunak)*

merdu, tetapi ia hendaklah mengubah suaranya menjadi (sedikit) keras iaitu dengan meletakkan hujung tapak tangan ke mulutnya lalu menjawabnya. Dan di dalam (kitab) al-Ubab apabila ia takutkan sesuatu yang boleh merangsang, maka ia disunatkan mengeraskan suara dengan meletakkan belakang tangan ke mulutnya "

Maksudnya di sini kebanyakan ulamak mengatakan suara wanita dalam percakapan biasa di hadapan lelaki bukan mahramnya bukan aurat selama mana tidak membawa kepada fitnah. Namun begitu, tidak dapat dinafikan ada juga di kalangan mereka yang menyatakan suara wanita adalah aurat.

### Wanita Bernasyid

Terdapat dua pandangan ulama dalam masalah ini iaitu :-

#### a. Pandangan Pertama

Imam Al-Suddi, Ibnu Manzur, Ibnu Athir mengatakan bahawa suara wanita adalah aurat apabila wanita menggunakan suaranya untuk bernyanyi, bernasyid atau melunakkannya di hadapan lelaki bukan mahramnya.

Ini adalah berdasarkan firman Allah SWT yang memberi amaran kepada kita tentang suara wanita :-

فَلَا تَخْضَعْنَ بِالْقَوْلِ فَيَطْمَعَ الَّذِي فِي قَلْبِهِ مَرَضٌ وَقَلْنَ مَعْرُوفًا ﴿٣١﴾

"Maka janganlah kamu berbicara dengan lembut dan manja (semasa bercakap dengan lelaki asing) kerana yang demikian boleh menimbulkan keinginan orang yang di dalam hatinya ada penyakit (menaruh tujuan buruk kepada kamu) dan (sebaliknya) berkatalah dengan kata-kata yang baik (sesuai dan sopan)."

(Al-Ahzab: 32)



bersolek dan berpakaian sempurna seperti yang dituntut ke atas wanita muslimah.

- ii. Hendaklah memastikan suasana majlis tiada percampuran antara lelaki dan wanita yang bukan mahram.
- iii. Persembahan hendaklah atas tujuan untuk berdakwah dan menanam kesedaran Islam serta bukan untuk berhibur semata-mata seperti diadakan tazkirah atau zikir kepada Allah. Peluang ini digunakan sebaik mungkin untuk memberi kefahaman kepada mereka tentang Islam yang syumul.



Imam Al-Suddi berkata, ini bermaksud kaum wanita tidak boleh melunakkan suaranya (lembut dan manja) apabila bercakap di khalayak lelaki.

Imam Qurtubi pula mengatakan, kerana suara yang sebegini akan menjadikan orang-orang lelaki munafiq dan ahli maksiat berfikir jahat. (*Tafsir Ibn Kathir*, 3/483; *Al-Jami' Li Ahkam Al-Quran*, 14/177)

Suara yang dilembutkan dengan sengaja, dimanjakan dan dimerdukan, adalah haram untuk diperdengarkan kepada khalayak lelaki secara ijma' selama-lamanya. (*Al-Nihayah, Ibn Athir*, 42/2 ; *Lisan al-Arab, Ibn Manzur*, 73/8; *Hasyiyah At-Tohawi* ; 1/161)

Berdasarkan dalil ayat serta pendapat ulama yang dikemukakan ini, boleh difahami bahawa nyanyian wanita juga tergolong dalam bab yang diharamkan oleh Islam apabila ia diperdengarkan kepada lelaki yang bukan mahram. Adapun jika ia dinyanyikan oleh kanak-kanak perempuan yang belum baligh atau ia dinyanyikan khas untuk para wanita, ia adalah dibenarkan.

Apa yang berlaku pada kumpulan-kumpulan nasyid wanita masa kini yang biasanya bersolek-solekan, memakai pakaian yang ketat dan hijab yang tidak sempurna, berada di atas pentas menjadi tontonan lelaki, melentuk-lentuk tubuh dan suaranya di hadapan lelaki yang bukan mahram, sudah tentu membawa kepada fitnah dan haram hukumnya.

Al-Hafiz Ibn Al-Jauziy di dalam *Talbis Iblis* menyatakan;

«أخبرنا أبو القاسم الحريري عن أبي الطيب الطبري قال : أما سماعُ الغناءِ مِنَ المرأةِ التي كَيْسَتْ بِمَحْرَمٍ فَإِنَّ أَصْحَابَ الشَّافِعِيِّ قَالُوا : لَا يَجُوزُ سِوَاءَ كَانَتْ حُرَّةً أَوْ مَمْلُوكَةً قَالَ : وَقَالَ الشَّافِعِيُّ : وَصَاحِبِ الْجَارِيَةِ إِذَا جَمَعَ النَّاسُ لِسَمَاعِهَا فَهُوَ سَفِيهَةٌ تُرَى شَهَادَتُهُ، ثُمَّ غَلَطَ الْقَوْلُ فِيهِ فَقَالَ : وَهُوَ دَيْئَةٌ . قَالَ ابْنُ الْجَوْزِيِّ : وَإِنَّمَا

جعل صاحبها سفيها فاسقا لأنه دعا الناس إلى الباطل، ومن دعا إلى الباطل كان سفيهاً فاسقاً "

Maksudnya : Abu al-Qassim al-Jariri telah menceritakan daripada Abi al-Toib al-Tobari, ia telah berkata : Ada pun mendengar nyanyian daripada seorang wanita yang bukan mahram, maka para ashab al-Syafie berpandangan : Tidak harus, sama ada wanita itu seorang yang merdeka atau seorang hamba. Berkata Abu al-Toib lagi : Berkata al-Syafie : Apabila seorang tuan kepada hamba, mengumpul manusia bagi tujuan mendengar suara (nyanyian wanita) dia adalah seorang yang bodoh dan ditolak penyaksiannya, kemudian beliau mengeraskan lagi pandangannya dalam perkara ini dengan berkata : Dia (tuan kepada hamba) seorang yang tersangat dayus. Berkata Ibnu al-Jauzi : Sesungguhnya dia seorang yang bodoh lagi fasiq kerana menyeru manusia kepada perkara yang batil dan sesiapa yang menyeru kepada kebatilan maka ia adalah seorang yang bodoh lagi fasiq.

Ibn Qayyim Al-Jawziah telah menyimpulkan di dalam kitab *Ighathatul Lahtan* :-

وأما سماعه - يعني الغناء عموماً - من المرأة الأجنبية فمن أعظم الخمرات، وأشدّها فساداً للدين.

Maksudnya : Adapun mendengarnya yakni mendengar nyanyian secara umum daripada wanita ajnabi (bukan mahram) adalah daripada sebesar-besar perkara yang diharamkan dan tersangat buruk kejahatannya di dalam agama.

b. Pandangan Kedua

Sebahagian ulama' kontemporari, antaranya Al-Allamah Dr. Yusuf Abdullah Al-Qaradhawi menyatakan harus wanita menyanyi di

pandangan yang masyhur) kerana (azan) perlu meninggikan suara yang akan membawa kepada fitnah dan ia menyerupai kaum lelaki. Justeru itu adalah diharamkan bagi wanita meninggikan suara pada melaukan azan jika terdapat orang yang bukan mahram yang mendengarnya. Hanyasanya tidak diharamkan nyanyianya serta mendengarnya bagi orang yang bukan mahram apabila tiada fitnah, kerana pada azan disunatkan mendengar dan melihat kepadanya, yang mana keduanya (melihat dan mendengar) itu, boleh mendorong kepada fitnah. Dan kerana pada nyanyian itu tiada tasyabbuh padanya (tiada dikatakan perempuan menyerupai lelaki), berbeza dengan azan yang memang dikhususkan bagi orang lelaki, maka diharamkan bagi orang perempuan menyerupai lelaki bagi perkara tersebut.

**Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil.2/2012**

Mesyuarat bersetuju untuk memutuskan berkaitan hukum wanita bernasyid seperti berikut :-

- a. Suara wanita bukanlah aurat. Ini bererti mereka bebas bersuara, mengajar, belajar, berjual beli, berbuah dan sebagainya.
- b. Hukum wanita menyanyi adalah tidak haram.
- c. Hukum mendengar nyanyian wanita adalah makruh dan tidak digalakkan sekalipun dijamin aman dari fitnah.
- d. Nyanyian yang disertai dengan gaya yang menghairahkan, tarian dan solekan yang melampau apatah lagi mendedahkan aurat jika ditonton oleh lelaki yang ajnabi adalah haram.

Lantaran itu, jika kaum wanita hendak bernasyid, maka bolehlah mengambil panduan berikut :-

- i. Mesti menjaga adab-adab iaitu menutup aurat, tidak menggerakkan badan yang boleh mendatangkan fitnah, tidak

Wanita juga harus untuk menjadi imam kepada wanita lain, tetapi mereka tidak dibenarkan mengeraskan bacaan al-Quran, jika di tempat itu terdapat para lelaki yang bukan mahramnya.

Imam Ibn Hajar berkata di dalam kitab *Tuhfah* :-

الْمَرْأَةُ لَا تَجْهَرُ إِلَّا إِنْ أَمْ يَسْمَعُهَا أَيْ جَنَّتِي وَمِثْلَهَا الْخَشْيَ وَيُكْفَرُ جَهْرًا دُونَ جَهْرِ الرَّجُلِ. ( Tuhfah, 5/481 )

*Maksudnya : Orang perempuan tidak boleh menyaringkan suaranya (ketika solat), melainkan jika tidak didengari ajnabi (bukan mahram) dan seumpamanya khuntha, dan nyaringnya itu tidaklah seperti nyaring suara orang lelaki.*

## ii) Wanita Dan Azan

Wanita dilarang melaungkan azan, Ibn Hajar menyatakan di dalam Kitab *Tuhfah* :-

( وَتَنْدُبُ لِجَمَاعَةِ النِّسَاءِ ) ، وَالْحَتَائِيَّ وَلِكُلِّ عَلَى الْفِرَادَةِ أَيْضًا ( الْأَعْقَابَةُ ) عَلَى الْمَشْهُورِ ؛ لِأَنَّهَا لِاسْتِخْرَاضِ الْخَاضِرِينَ فَلَا رَفْعَ فِيهَا يُجْتَنَبُ مِنْهُ تَخْلُودُ بِمَا بَاقِي ( لَا الْأَذَانَ عَلَى الْمَشْهُورِ ) لِيَمَا فِيهِ مِنَ الرَّفْعِ الَّذِي قَدْ يُجْتَنَبُ مِنَ الْإِتْيَانِ ، وَالتَّسْبِيحِ بِالرِّجَالِ وَمِنْ تَمَّ حَزْمٌ عَلَيْهَا رُفِعَ صَوْتًا بِهِ وَإِنْ كَانَ تَمَّ أَجَنَّتِي يَسْمَعُ وَإِنَّمَا تَمَّ حَزْمٌ غِنَاؤُهَا وَسَمَاعُهُ لِلْأَجَنَّتِي حَيْثُ لَا قِفْتَةَ ؛ لِأَنَّ تَمَكِّيَّهَا مِنْهُ لَيْسَ فِيهِ حَزْمٌ النَّاسِ عَلَى مُؤَدِّ لِفَيْتَةِ بِيحْلَافٍ تَمَكِّيَّهَا مِنَ الْأَذَانِ ؛ لِأَنَّهُ يَسُرُّ الْأَصْغَاءَ لِلْمُؤَدِّ ، وَالتَّنَظَّرَ إِلَيْهِ وَكُلَّ مِنْهُمَا إِذَا مَفِئَةٌ مَفِئَةٌ وَلَا تَنْبِيهُ فِيهِ إِذْ هُوَ مِنْ وَضِعِ النِّسَاءِ بِيحْلَافِ الْأَذَانِ فَإِنَّهُ مُخْتَصٌّ بِالدُّكُورِ فَحَزْمٌ عَلَيْهَا التَّسْبِيحُ بِحَيْثُ فِيهِ

*Maksudnya : Dan disunatkan bagi jamaah solat wanita dan khuntha melakukan iqamah mengikut pandangan yang mayshur, kerana iqamah adalah pemberitahuan kepada para jamaah yang hadir (untuk solat) tanpa perlu mengangkat (meninggi) suara yang dibimbangi berlaku fitnah yang dilarang. (Tidak dilauangkan azan menurut*

khalayak ramai, asalkan mereka menjaga adab-adab iaitu menutup aurat dan tidak melakukan aksi serta pergerakan badan yang boleh mendatangkan fitnah. Dalilnya adalah seperti berikut :-

(i) وأما حديث بُرَيْدَةَ قَالَ: خَرَجَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ فِي بَعْضِ مَغَازِرِهِ، فَلَمَّا انْصَرَفَ جَاءَتْ جَارِيَةٌ سَوْدَاءَ، فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنِّي كَسْتُ نَذْرَتُ إِنْ رَدَّكَ اللَّهُ سَالِمًا أَنْ أَضْرِبَ بَيْنَ يَدَيْكَ بِالذَّفِّ، وَأَتَعَى، فَقَالَ لَهَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: "إِنْ كُنْتَ نَذَرْتَ فَاضْرِبِي وَإِلَّا فَلَا، فَجَعَلَتْ تَضْرِبُ...". الحديث. رواه الترمذي، وقال عنه : حديث حسن غريب صحيح. فهو يدلُّ جَوَازَ سَمَاعِ غِنَاءِ الْأَجَنِّيَةِ الَّذِي هُوَ مُطْلَقُ الصَّوْتِ، إِذَا أَمَّتِ الْفِتْنَةَ.

*Maksudnya : Hadis daripada Buraidah ia berkata : Telah keluar Rasulullah s.a.w pada sebahagian peperangan dan taikala selesai peperangan telah datang seorang gadis berkulit hitam berkata ia : Ya Rasulullah sesungguhnya aku telah bernazar jika Allah menyelamatkan kamu, aku akan memukul gendang dan akan bernyanyi di hadapanmu, lalu Rasulullah bersabda kepadanya : Jika kamu bernazar lakukannya, Maka jika tidak (bernazar) tidak perlu melakukannya. Maka wanita itu pun memukul gendang....*

*Riwayat al-Tarmizi dan beliau berkata hadis ini hasan ghorib sahih.*

*Hadis ini menjadi dalil keharusan mendengar nyanyian wanita ajnabi semata-mata mendengar suaranya jika selamat daripada fitnah.*

(ii) قال صاحبُ مُحْفَةِ الْأَحْوِزِيِّ: وَفِي قَوْلِهَا (رَفَعْتِي) دَلِيلٌ عَلَى أَنَّ صَوْتَ الْمَرْأَةِ مَبَاحٌ إِذَا خَالَأَ عَنِ الْفِتْنَةِ (عَنْهُ الْأَحْوِزِيُّ، 10/122)

*Maksudnya : Berkata pengarang Tuhfah al-Ahwazi : pada katanya (ia bernyanyi) menjadi dalil bahawa suara wanita itu harus didengari selagi aman (sunyi) daripada fitnah.*

Bagi membincangkan permasalahan ini, amat wajar juga kita meninjau beberapa adab Islam yang berkaitan dengan suara wanita di dalam ibadah, seperti berikut :-

#### i) Wanita Dan Solat

Jika kaum wanita ingin menegur imam lelaki yang tersilap bacaan atau terlupa rakaat dan lainnya, Nabi s.a.w hanya membenarkan para wanita mengingatkan imam dengan menepuk tangan sahaja. Ini berdasarkan dalil dan pandangan berikut :-

Sabda Rasulullah s.a.w :-

فقال رسول الله ﷺ ما لي رأيكم أكثرتم التصفيق من ربه شيء في صلاته  
فليسبح فإنه إذا سبح التفت إليه وإنما التصفيق للنساء  
(رواه البخاري ومسلم وأبو داود والنسائي والترمذي وأحمد)

**Maksudnya :** Bersabda Rasulullah s.a.w : *Mengapakah aku dapat ramai di kalangan kamu menepuk tangan. Sesiapa yang meragui sesuatu dalam solatnya hendaklah ia bertasbih, maka ia akan menarik perhatian. Sesungguhnya tepuk tangan itu adalah bagi wanita.*

Imam Al-Nawawi berkata :-

وَيَسْرُ لِمَنْ تَابَهُ شَيْءٌ كَتَبْتِيهِ إِمَامِهِ، وَإِذْنِهِ لِذَاجِلٍ، وَإِنذَارُهُ أَعْمَى أَنْ يُسَبِّحَ،  
(صحيح الطائين 14/1)

**Maksudnya :** Dan disunatkan bagi sesiapa yang ingin membuat sesuatu, seperti memberi peringatan kepada imam, memberi izin kepada orang yang ingin masuk dan memberi peringatan kepada orang yang buta, hendaklah ia bertasbih (bagi lelaki) dan hendaklah menepuk tangan bagi wanita iaitu menepuk tangan kanan di atas belakang tangan kiri.

(iii) وقال ابن حجر - وهو يشرح حديث البخاري في غناء الجارية في بيت عائشة - : وقد استدل بهذا الحديث على حواز سماع صوت الجارية بالغناء، ولو لم تكن مملوكة، لأنه ﷺ لم يشاركها في سماعه، بل أنكر إنكاره، واشتمرتا بالغناء إلى أن أشارت إليهما عائشة ﷺ بالخروج، ثم قال: ولا يخفى أن محلَّ الجواز ما إذا أميت الفتنة بذلك. (صحيح الباري، 2/443)

**Maksudnya :** Berkata Ibnu Hajar, ketika menyarankan hadis al-Bukhari berkaitan nyanyian dua orang gadis (jariah) di dalam rumah Aishah r.a : *Telah diambil dalil daripada hadis tersebut tentang keharusan mendengar suara gadis apabila beryanyi walaupun ia bukan seorang hamba, kerana Rasulullah s.a.w tidak mengingkari Abu Bakar mendengarnya, tetapi Rasulullah s.a.w mengingkari bantahan terhadap kedua-dua gadis itu untuk meneruskan nyanyian mereka, sehinggalah Aishah r.a mengisyaratkan mereka supaya keluar. Ibnu Hajar berkata lagi : Tidak menjadi sesuatu yang tersembunyi bahawa keharusan itu selama mana ia aman daripada fitnah.*

Namun apa yang ditegaskan oleh para ulama' adalah keharusannya apabila menepati peraturan-peraturan syarak dan tidak ada dorongan-dorongan fitnah. Ianya boleh difahami sebagai menutup aurat, tiada gaya yang melampau dan tiada percampuran tanpa batasan.

Dalam konteks dakwah, ada di kalangan ulama' yang berpandangan tidak salah jika dibenarkan wanita menyanyi di khalayak ramai kerana bimbang sekiranya kita terlalu 'ketat' dalam masalah ini, maka ia akan merugikan Islam dan dakwah Islam, sekaligus menjadikan Islam kelihatan bukan satu Ad-Din yang meraikan naluri manusia dan memandu naluri manusia mengikut acuan Islam.